ISLAM HADHARI
Projek Khas YAB Perdana Menteri

**ISLAM HADHARI**
*"Islam Hadhari Menjana Kemajuan Ummah"*

# Modul TOT

# ISLAM HADHARI MENJANA KEMAJUAN UMMAH

---

**ISLAM HADHARI**
*"Islam Hadhari Menjana Kemajuan Ummah"*

"Islam Hadhari bukanlah agama baru. Islam Hadhari bukan ajaran baru. Islam Hadhari bukannya mazhab baru. Islam Hadhari adalah usaha utk mengembalikan umat Islam kpd asas, kpd fundamental. Asas & fundamental menurut yg terkandung dlm Al-Quran & Hadis yg merupakan teras pembinaan tamadun Islam."
"Kita memerlukan keteguhan iman, ketangkasan mental & kekuatan fizikal. Pendekatan menjayakan Islam Hadhari adalah satu pendekatan yg dapat memperkasa perjuangan bangsa yg lebih besar, di dunia & di akhirat."

*Ucapan YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi (Perhimpunan Agong UMNO ke 55, PWTC, K. Lumpur, 23 Sept 2004



**PRINSIP-PRINSIP ISLAM HADHARI**

- Keimanan & Ketakwaan Kepada Allah
- Kerajaan Yang Adil & Beramanah
- Rakyat Berjiwa Merdeka
- Penguasaan Ilmu Pengetahuan
- Pembangunan Ekonomi Seimbang & Komprehensif
- Kehidupan Berkualiti
- Pembelaan Hak Kumpulan Minoriti & Wanita
- Keutuhan Budaya & Moral
- Pemeliharaan Alam Semulajadi
- Kekuatan Pertahanan

ISLAM HADHARI

## Islam Hadhari : Panduan Al-Qur'an

وَٱبۡتَغِ فِيمَآ ءَاتَىٰكَ ٱللَّهُ ٱلدَّارَ ٱلۡأٓخِرَةَۖ
وَلَا تَنسَ نَصِيبَكَ مِنَ ٱلدُّنۡيَاۖ وَأَحۡسِن
كَمَآ أَحۡسَنَ ٱللَّهُ إِلَيۡكَۖ وَلَا تَبۡغِ ٱلۡفَسَادَ
فِي ٱلۡأَرۡضِۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ
ٱلۡمُفۡسِدِينَ ﴿٧٧﴾ قَالَ إِنَّمَآ أُوتِيتُهُۥ عَلَىٰ
عِلۡمٍ عِندِيٓۚ أَوَلَمۡ يَعۡلَمۡ أَنَّ ٱللَّهَ قَدۡ أَهۡلَكَ
مِن قَبۡلِهِۦ مِنَ ٱلۡقُرُونِ مَنۡ هُوَ أَشَدُّ مِنۡهُ
قُوَّةً وَأَكۡثَرُ جَمۡعًاۚ وَلَا يُسۡـَٔلُ عَن ذُنُوبِهِمُ

"But search out, with the (wealth) that Allah has Given to you, the Home of the Hereafter, And do not forget your part in this world: But you do good, like Allah has been good to you, And do not search (to make) mischief in the land: Because Allah loves not those who do mischief." {al-Qasas: 77}

ISLAM HADHARI

## Pendekatan Islam Hadhari

- Kerajaan telah merangka pelbagai agenda pembangunan yg selaras dgn tuntutan Islam melalui pendekatan seimbang dlm aspek-aspek spiritual, ekonomi, pendidikan, kemasyarakatan, undang-undang & sebagainya. Kerajaan menyedari bahawa Islam bukanlah suatu agama bersifat ritual semata-mata, tetapi agama yg bersifat praktikal iaitu diturunkan utk mengatur kehidupan masyarakat secara realistik. Dgn itu, suatu pendekatan yg dikenali sebagai Islam Hadhari telah diperkenalkan utk membangkitkan kesedaran baru kpd masyarakat terhadap konsep sebenar ajaran Islam, dgn harapan akan dapat memacu pembangunan ummah & negara.

ISLAM HADHARI
Projek Khas YAB Perdana Menteri

## Pendekatan Islam Hadhari

- Pendekatan Islam Hadhari memberi penekanan kpd aspek pembangunan & pembinaan peradaban yg didasarkan pandangan semesta Islam (Islamic worldview) dgn memberi tumpuan kpd usaha mempertingkatkan mutu kehidupan melalui penguasaan ilmu, pembangunan insan serta pembangunan fizikal. Warisan tamadun Islam yg memperlihatkan kegemilangan umat Islam dlm semua bidang akan dijadikan dorongan bagi memajukan umat secara menyeluruh.
- Beberapa prinsip Islam Hadhari dirangka bagi merangsang ke arah perubahan minda umat Islam secara menyeluruh & sistematik yg tidak bersifat sektor atau partisan, yg semestinya memerlukan satu perubahan pandangan global umat Islam.

ISLAM HADHARI
Projek Khas YAB Perdana Menteri

## Pendekatan Islam Hadhari

- Pendekatan Islam Hadhari adalah utk membuktikan keupayaan Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh yg sentiasa mengamalkan prinsip kesederhanaan (wasatiyyah), sesuai dgn tuntutan agama Islam. Ia selaras dgn dasar-dasar negara yg dilaksanakan masa kini & yg akan dicapai pada masa hadapan seperti Wawasan 2020, Pelan Integriti Nasional (PIN), Dasar Pembangunan Negara dan sebagainya. Pendekatan Islam Hadhari menekankan nilai-nilai pembangunan sejagat yg sama sekali tidak bercanggah dgn konteks masyarakat majmuk.

ISLAM HADHARI

## Konsep Islam Hadhari

- Islam Hadhari bukanlah satu ajaran baru, ianya adlh ajaran Islam yg sebenar, berpaksikan al-Quran & as-Sunnah (Islam Fundamental). Agama Islam bersifat syumul; sesuai sepanjang zaman & agama yg merentasi sempadan tempat & waktu.
- Penggunaan istilah 'Hadhari' telahpun digunakan oleh ilmuan Islam sejak dari dulu lagi spt Ibnu Khaldun dlm kitab agungnya 'Al-Muqaddimah' & pemikir al-Jazair, Malik Bennabi yg cenderung menggunakan istilah 'hadhara' yg dianggap hampir kpd maksud keseimbangan kemajuan antara aspek material dgn akhlak & spiritual. (Siri Monografi Islam Hadhari Terengganu Bistari , m/s 3 - Idris Jusoh)

ISLAM HADHARI

## Definisi Islam Hadhari

- *Islam Hadhari* adalah gabungan dua kalimah Bahasa Arab, iaitu : *Islam (subjek)* dan *Hadhari (sifat).* Asal perkataan *hadhari* ialah *hadharun - hadharatun (hidup di Bandar)* yg membawa maksud membangun, maju ataupun bertamadun - lawan kpd perkataan *badawah (ke pedalaman atau kemunduran).* Bertolak drpd kata dasar tersebut maka perkataan *hadharah* ataupun sifatnya *hadhari* bolehlah ditakrifkan sebagai hasil tindakbalas antara manusia dgn alam & kehidupan sekitarnya melalui usaha yg dilakukan oleh manusia sendiri bagi memperbaiki kedudukan kehidupannya di dunia secara fizikal & spiritual mengikut keperluan & peredaran semasa *(waqie).*

ISLAM HADHARI

## Definisi Islam Hadhari

- Islam Hadhari boleh juga diertikan sebagai Islam Semasa, iaitu mengimplimentasikan kaedah Siasah as-Syar'iyah dlm sistem politik, pentadbiran & undang-undang negara yg bertujuan utk menjaga tatasusila, kepentingan umum serta sistem kehidupan manusia di dunia ini mengikut keperluan semasa. Ianya bersandarkan kepada Maslahah Ammah *(kepentingan umum)* bagi tujuan melaksanakan siasah ad-dunia *(memakmurkan dunia)* dalam ruang likup memberi rahmat kpd sekalian alam.

ISLAM HADHARI

## Definisi Islam Hadhari

- Dlm B.Inggeris disebut sebagai "Civilizational Islam" & dlm Bahasa Arab "Al-Islam al-Hadhari".
- Takrif Islam Hadhari secara lengkap: "Suatu pendekatan pembangunan manusia, masyarakat dan negara yang bersifat menyeluruh, berdasarkan kepada perspektif tamadun Islam".
- Pendekatan Islam Hadhari diperkenalkan kerana ia lebih lengkap & menyeluruh berbanding pendekatan Islam secara politik (Islam al-Siyasi), tasawwuf (Islam al-Sufi) dll.
- Islam Hadhari fokus kpd agenda meningkatkan kualiti hidup masyarakat mempunyai peradaban yg unggul bagi menghadapi cabaran alaf baru spt ledakan maklumat, dunia tanpa sempadan, ekonomi global, budaya materialisme, krisis identiti, jati diri serta penjajahan pemikiran.

## Visi, Misi & Objektif Islam Hadhari

ISLAM HADHARI

- Visi Islam Hadhari adalah Untuk Menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Islam Contoh, iaitu sebuah negara maju mengikut acuan sendiri.
- Konsepnya ialah negara yang mempunyai masyarakat membangun dan memiliki ilmu, berkemahiran dan berketrampilan serta tergambar sebagai golongan yang berakhlak, berbudi dan berbudaya yang berpaksikan kepada kepercayaan Agama.

## Visi, Misi & Objektif Islam Hadhari

ISLAM HADHARI

- Misi Islam Hadhari adalah untuk melaksanakan agenda pembangunan negara dan ummah berlandaskan pendekatan Islam yang universal, maju, bertamadun, bertoleransi dan berimbang.
- Objektif Islam Hadhari adalah bagi melahirkan individu dan masyarakat yang mempunyai kekuatan spiritual (rohani), akhlak, intelektual, material, mampu berdikari, berdaya saing, melihat ke hadapan, inovatif serta cekap menangani cabaran-cabaran semasa secara bijaksana, rasional, praktikal dan damai.

## Islam Hadhari - Siasah Syariyyah

ISLAM HADHARI

- Syariah Islam itu bersifat *murunah (flexible)* & syumul *(universal)*. Di antara ciri-ciri utama Syariah Islam yg termasuk dlm ruang lingkup Siasah Syar'iyyah ialah:
  i. Objektif Syariah *(Maqasid al-Syariah)* melindungi & mensejahterakan lima kategori asas : agama, akal, keturunan, nyawa & harta.
  ii. Syariah Islam bersifat komprehensif - merangkumi perkara dunia & akhirat serta kehidupan individu & sosial.*(Hubungan Manusia - Allah , Manusia - Manusia, & manusia sesama makhluk)*
  iii. Syariah Islam bukanlah suatu sistem perundangan semata-mata, malah ia lebih merupakan sistem akhlak & moral.

## Islam Hadhari - Siasah Syariyyah

ISLAM HADHARI

- Berdasarkan ciri-ciri tersebut, matlamat Siasah Syar'iyyah ialah utk menyusun peraturan-peraturan hidup di kalangan manusia & memakmurkan bumi ini dgn mengambil kira kepentingan rakyat (umum) berasaskan kpd 5 Prinsip *Maqasid as-Syariah*, iaitu bagi menjaga agama, akal, nyawa, keturunan & harta benda. Firman Allah s.w.t, bermaksud: "Dan kpd kaum Thamud, kami utuskan saudara mereka: Nabi Soleh. Dia berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! Sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripadaNya. Dia lah yang menjadikan kamu dari bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya. Oleh itu mintalah ampun kpd Allah dari perbuatan syirik, kembalilah kepadaNya dgn taat & tauhid. Tuhanku sentiasa dekat, lagi memperkenankan permohonan hambaNya". - *(Surah Hud: Ayat 61)*

## Projek ISLAM HADHARI

ISLAM HADHARI
Projek Khas YAB Perdana Menteri

- Islam Hadhari melihat Islam yg syumul atau komprehensif dgn penekanan kpd pembangunan ekonomi & tamadun menyeluruh, yg berupaya menjadi penggerak & pendorong kpd peningkatan daya saing bangsa Melayu & umat Islam amnya.
- Islam Hadhari akan menjadikan warisan & tamadun Islam yg memperlihatkan kejayaan cemerlang umat Islam masa lampau sebagai pendorong kpd pembangunan & kemajuan tamadun umat Islam masa kini dlm semua bidang kehidupan.

## Projek ISLAM HADHARI

ISLAM HADHARI
Projek Khas YAB Perdana Menteri

- Islam Hadhari telahpun dijadikan satu kerangka Dasar Nasional yg akan dijadikan sebagai asas dlm perancangan pembangunan Malaysia sebagai sebuah negara Islam Maju menjelang Tahun 2020.
- Dlm erti kata lain, Wawasan 2020 yg telah dijadikan sebagai *'mainstream'* negara selama ini haruslah berpaksikan kepada ruh Islami atau dlm istilah yg lebih progresifnya Islam Hadhari . Inilah rahsia yg tersurat di sebalik kesungguhan kepimpinan negara di bawah teraju YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi memperkenalkan Islam Hadhari.

## Prinsip-Prinsip Islam Hadhari dlm Perlembagaan Malaysia

ISLAM HADHARI

- Untuk merealisasikan pelaksanaan Islam Hadhari di Malaysia, Perkara 3 (1): Perlembagaan Malaysia telah secara jelas meletakkan Islam sebagai agama rasmi negara:
  "Agama Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan"
- Islam sebagai agama rasmi bukanlah hanya sekadar melaksanakan Islam dlm perkara-perkara kera'ian & sambutan perayaan hari-hari kebesaran Islam semata-mata sepertimana yg difahami oleh sesetengah pengamal undang-undang sivil, bahkan ianya berkaitan dgn soal pelaksanaan syariat Islam & aqidah.

## Prinsip-Prinsip Islam Hadhari dlm Perlembagaan Malaysia

ISLAM HADHARI

- Ini diperkukuhkan dgn beberapa prinsip Islam yg termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia, tercatat dlm beberapa Fasal lain yg harus dibaca secara bersama dgn Perkara 3 (1), Agama Rasmi, iaitu: Perkara 11 (4) : "Undang-undang Negeri & mengenai Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Labuan, undang-undang persekutuan boleh mengawal @ menyekat pengembangan apa-apa iktikad @ kepercayaan ugama antara orang-orang yg menganuti agama Islam"
- Perkara 12 (2): Hak-Hak Berkenaan dgn Pelajaran: "...adalah sah bagi Persekutuan @ sesuatu Negeri menubuhkan atau menyelenggara institusi-institusi Islam @ mengadakan @ membantu dlm mengadakan ajaran dlm agama Islam & melakukan apa-apa perbelanjaan yg diperlukan bagi maksud berkenaan"

ISLAM HADHARI
Projek Khas YAB Perdana Menteri

## MISALAN / BIDALAN ISLAM HADHARI

- Islam Hadhari mendorong penyesuaian kehidupan umat itu sejajar dgn situasi semasa dlm pelbagai aspek kehidupan, spt. Nabi Muhammad s.a.w pernah bersabda agar berusaha menghapuskan perkara yg menyusahkan orang dlm perjalanan. Hadis ini pada suatu ketika dahulu diterjemah sebagai membuang duri drp jalan tetapi zaman moden ini ianya perlu ditafsirkan sebagai pembinaan lebuhraya krn pd zaman sekrg orang tidak lagi berjalan kaki tetapi menggunakan kenderaan laju. Bilangan kenderaan di jalan raya semakin hari semakin banyak & cara kehidupan org pd masa ini mengejar masa.
- Dlm Al-Quran Allah s.w.t telah menyebut supaya umat Islam berusaha membina kekuatan & menyiapkan kuda tunggangan yg boleh menggerunkan musuh. Dlm konteks Islam Hadhari ayat ini mestilah diterjemahkan sebagai pengangkutan yg laju & jenis senjata yg hebat pd masa ini.

ISLAM HADHARI
Projek Khas YAB Perdana Menteri

## ISLAM HADHARI MENUJU ARAH KECEMERLANGAN

برنامج "الإسلام الحضاري" لقيادة الشعب الماليزي نحو التفوق

March 25, 2004 21:28 PM

كوالالمبور- لو خيّر الناس بين فئتين من الرجال تقوم الأولى بذكر الله في المسجد وتقوم الثانية بإصلاح أنبوب المياه المخروق سيختار معظمهم الفئة الأولى لقيامها بالعمل الصالح والكريم. أشار إلى ذلك المستشار الديني لرئيس الوزراء الماليزي السيد عبد الحميد عثمان لوكالة برناما للأنباء في مقابلة صحفية عقدها مؤخرا موضحا أنه على الرغم من أن عملية اختيار تلك الفئة التي تذكر الله في المسجد صحيح في ظاهر الأمر إلا أن الأفضل من وجهة نظر الإسلام كما يرى سيادته العمل الذي تقوم به الفئة الثانية التي تقوم بإصلاح أنبوب المياه المخروق لأن نتيجة عملهم ستعود بالنفع على مجموعة أكبر من الناس

## ISLAM HADHARI MENUJU ARAH KECEMERLANGAN

ISLAM HADHARI
Projek Khas YAB Perdana Menteri

أكد عبد الحميد على الضمان الذي قدمه رئيس الوزراء الماليزي السيد عبد الله بدوي في عدة جلسات لدورة الإسلام الحضاري وهو أن الحكومة الماليزية لن تهمل المواطنين غير المسلمين ولن تهمل كذلك مصالحهم موضحا أن جمال الإسلام يتمثل في أن كل جوانب التنمية هي ملك للجميع الأمر الذي جعل كثيرا من الرؤساء غير المسلمين في المديريات الحكومية يوافقون على إرسال موظفيهم للإلتحاق في هذا البرنامج

وأكد كذلك على أن البرنامج سيعمل على توعية الملايويين حول أهمية العمل البالغة بالنسبة للإسلام موضحا أن جميع سائقي الحافلات والأطباء والمهندسين يلعبون دورا مهما في تلبية احتياجات العصر ولذلك فإن كل ما قام به هؤلاء يعتبر موافقا لتعاليم الدين من الجانب الحضاري

وابان السيد عبد الحميد أنه بعد أن فهم الشعب الماليزي بشكل كامل تعاليم الإسلام الحقيقية الصحيحة ونظر إلى الدين من نظرة عالمية فإنهم بكل سهولة سيحركون أنفسهم نحو التفوق وفي الوقت نفسه سيحصلون على احترام أصدقائهم وأعدائهم على حد سواء كالذي حققته الدولة الإسلامية سابقا

## ISLAM HADHARI MENUJU ARAH KECEMERLANGAN

ISLAM HADHARI
Projek Khas YAB Perdana Menteri

وذكر السيد عبد الحميد الذي يتولى منصب رئيس اللجنة القيادية لبرنامج الإسلام الحضاري للمستوى الوطني أن فكرة إنشاء البرنامج جاءت نتيجة الوعي بأن الفهم الضيق للدين يؤدي بالأمة الإسلامية إلى التخلف وعدم التطلع إلى التقدم والذي أثار التوتر السياسي داخل البلاد حيث استغلت الأحزاب المعارضة الفرصة للإستخفاف بالجهود التنموية التي قامت بها الحكومة الماليزية

وذكر عبد الحميد أن أهداف البرنامج التالية ستكون مركزة على المدرسين والمعلمين وخاصة الذين يدرسون التربية الدينية وذلك من أجل تصحيح سوء الظن والتصور الخاطئ لديهم من الاساس //وكالة الأنباء الوطنية الماليزية-برناما

ISLAM HADHARI

# Be Prepared For Changes Towards Success

KUALA LUMPUR, Feb 9 (Bernama) -- Prime Minister Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi said Wednesday that Muslims will be able to achieve greater success if they are prepared to change their mindset and attitude towards progress.

He said that the 'Islam Hadhari' (Civilizational Islam) approaches were aimed at guiding Muslims to strive in making changes towards a situation that was more progressive and of a higher level of excellence.

"I merely introduced these approaches, called 'Islam Hadhari' with the aim of bringing about changes in our way of thinking, in terms of our attitude," he said in an interview with Bernama in conjunction with the Maal Hijrah 1426 celebrations, Thursday.

"We make changes, moving from a situation which is less progressive to one which is more progressive or if already in a position of progress, to a level of excellence," he said.

ISLAM HADHARI

Be Prepared For Changes Towards Success

MAAL HIJRAH

Commenting on the theme of this year's celebrations, 'Islam Hadhari Menjana Kemajuan Ummah' (Islam Hadhari Towards A Progressive Ummah), he said that changes in attitude and mindset like in work procedures and utilisation of scientific and technological equipment would result in successes.

"That's what I truly hope for...everything starts with our preparedness," he said.

Abdullah said that the 'Islam Hadhari' approaches stress on the fact that Islam could contribute to human civilization because Islam is a religion suitable for all seasons.

ISLAM HADHARI

# Malaysian PM Takes "Islam Hadhari" to India




"We celebrate the diversity of our respective cultures and heritage. Those of other faiths, although a minority, have never been persecuted," Badawi, left, said.

NEW DELHI, December 22 (IslamOnline.net) – Malaysia has offered the Muslim world a modest working model of renewal, reform and the beginnings of a renaissance, according to the Malaysian prime minister.

"I do not wish to assume that our experiences are a one-size-fits-all prescription as I am aware that different countries need different solutions to their problems," Abdullah Ahmad Badawi said in his keynote address on Islam Hadhari (Civilized Islam) at Jamia Millia Islamia University in India, reported the Star daily in its online edition Wednesday, December 22.

"However, I do believe that Malaysia can offer interesting insights into the building blocks of a progressive and modern Muslim nation."

ISLAM HADHARI

# Malaysian PM Takes "Islam Hadhari" to India

- In outlining the model derived from the 10 fundamental principles of Islam Hadhari, Badawi said this was an effort to bring the Ummah (Muslim nation) back to basics and return to the primacy of values and principles as prescribed in the Noble Qur'an and Hadith.
- Abdullah was addressing the guests of a celebration dedicated to granting him an honorary doctorate from the Jamia Millia Islamia University, his first from a foreign institution of higher learning.

ISLAM HADHARI

# SEPULUH PRISIP UTAMA ISLAM HADHARI

1. Keimanan & ketaqwaan kpd Ilahi.
2. Kerajaan adil & beramanah.
3. Rakyat berjiwa merdeka.
4. Penguasaan ilmu pengetahuan (basmi al-jahlu)
5. Pembangunan ekonomi yg seimbang & komprehensif (basmi al-fakru)
6. Kehidupan berkualiti (itqan)
7. Pembelaan hak kumpulan minoriti & wanita.
8. Keutuhan budaya & moral.
9. Pemeliharaan & pemuliharaan alam semula jadi.
10. Kekuatan Pertahanan & Perpaduan.

- Faith & piety in Allah
- A just & trustworthy government
- A free & independent People
- Mastery of knowledge
- Balanced & comprehensive economic development
- A good quality of life
- Protection of the rights of minority groups & women
- Cultural and moral integrity
- Safeguarding the environment
- Strong defenses

ISLAM HADHARI

# Pendapat Ulamak Tentang Malaysia

Prof Dr Mohamad Sayed Tantawi, Syeikhul Azhar ketika menghadiri Multaqa Ulamak Sedunia di Putrajaya pd Julai 2003, beliau telah memperakukan bahawa:
"Malaysia adalah contoh terbaik sebuah negara Islam di dunia masa kini. Ianya berlandaskan kepada dua ciri utama: iaitu, yang pertama kerana rakyatnya yang aman dan damai tanpa peperangan serta tanpa huru hara dan keduanya kerana pembangunannya yang pesat serta maju di bawah kepimpinan umat Islam".

## Pendapat Ulamak Tentang Malaysia

ISLAM HADHARI
Projek Khas YAB Perdana Menteri

Prof Dr Tariq Ramadan dari Islamic Study University of Fribourg, Geneva, ketika membentangkan kertas kerjanya di Multaqa Ulama Sedunia yang sama di Putrajaya (Julai 2003), berpendapat bahawa:
"Saya lihat Malaysia dalam proses membentuk sebuah model negara Islam dengan caranya tersendiri. Bagi saya sebahagian besar daripada asasnya adalah tepat. Sesetengah daripada peraturan Islam telahpun dilaksanakan dan diguna pakai. Apa yang perlu dilakukan kini ialah usaha untuk memperbaharui aspek-aspek tertentu berdasarkan kepada keperluan *(aulawiyat)*".

## Pendapat Ulamak Tentang Malaysia

ISLAM HADHARI
Projek Khas YAB Perdana Menteri

Sheikh Muhammad Abu Zuhrah mendefinisikan sebuah negara Islam : "Negara Islam *(Darul Islam)* ialah negara yg berada di bawah kuasa pemerintahan Islam, dgn kekuatan & pertahanannya berada di tangan umat Islam".
Pengisytiharan Malaysia sebuah negara Islam telah dilakukan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir ketika berucap merasmikan Persidangan Agung Parti Gerakan Rakyat Malaysia pd Sept 2001.
Negara-negara umat Islam masa kini dipandang hina & rendah oleh negara bukan Islam di atas kelemahan penguasaan ilmu & kemundurannya dlm aspek pembangunan. Malaysia yg mendapat jolokan sebagai negara Islam contoh perlu membuktikan sebaliknya. Cara yg amat komprehensif di era globalisasi ini ialah dgn memartabatkan Islam Hadhari dlm sistem pengurusan negara.

ISLAM HADHARI

## Kenapa Islam Hadhari Diperkenalkan?

- Islam Hadhari diperkenalkan di Malaysia dalam suasana di mana dunia Islam dan umatnya masa kini telah dilabelkan oleh masyarakat antarabangsa sebagai pengganas, militan, huru-hara, kemiskinan dan kemunduran.
- Sebahagian besar umat Islam sendiri gagal mencerminkan dirinya sebagai umat yang maju, membangun dan bertamadun kepada masyarakat sekitarnya yang *'non-muslim'*.

ISLAM HADHARI

## Mengapa Tamadun Islam hari ini menjadi kaku & lesu?

- Ketaksuban & terbelenggunya gerakan pemikiran & ijtihad di kalangan alim ulamak.
- Berleluasanya pemikiran khurafat yg menyebabkan umat Islam menjadi mudah menjadi rendah diri dan menyerah kalah spt. Qadariyah dan Jabariyah yg menyimpang dari ajaran sebenar Islam.
- Kegagalan menghayati & mentadabbur metode al-Quran berkaitan membina tamadun & tidak mendapat petunjuk ttg rahsia hakiki kegemilangan tamadun Islam masa lalu.
- Kecetekan & kedangkalan umat Islam merasai kesan *'basirah'* al-Quran untuk memahami hakikat alam, manusia & kehidupan. Justeru, mereka gagal utk memakmurkan dunia ini.

| IBADAH KHUSUS | IBADAH UMUM |
| --- | --- |
| (FARDHU AIN) | (FARDHU KIFAYAH) |
| 5 RUKUN ISLAM DAN CABANGNYA | BERBAGAI URUSAN KEDUNIAAN: |
| ↓ | ↓ |
| Mengucap, Sembahyang, Puasa, Zakat , Haji dan lain-lain sunatnya | Ekonomi, Pendidikan, Politik, Sosial, Sains & Teknologi, Seni Dan Sebagainya. |

**SEMUA HIKMAT DALAM SETIAP IBADAT KHUSUS MENJURUS KEPADA TAMADUN UMAT (HADHARI)**

**CARA MENGURUS IBADAT UMUM**
**TERPULANG KEPADA KITA SENDIRI**

Sabda Nabi s.a.w

أَنْتُمْ أَعْلَمُ بِأُمُورِ دُنْيَاكُمْ

***"Kamulah yang lebih mengetahui urusan keduniaan kamu"***
*(Hadis Riwayat Muslim)*

## PELAKSANAAN 'HADHARI' OLEH PEMERINTAH BERASASKAN "SIASAH SYARIYYAH"

HANYA PEMERINTAH YANG MEMILIKI KUASA PERTAHANAN & KEAMANAN DIIKTIRAF ULIL-AMR. ISLAM MEMBERI HAK KPD ULIL-AMRI BERTINDAK BERASASKAN KEPENTINGAN RAKYAT

= Kaedah Usul Fiqh =

تَصَرفُ الإِمَامِ عَلَى الرعِيةِ مَنُوطٌ بِالـــمَصلَحَةِ

Urusan / Tindakan pemerintah ke atas rakyat tertakluk kepada kepentingan awam

## SIASAH SYARIYYAH MEMBERI KEUTAMAAN MENJAUHI KEBURUKAN DARIPADA MEMBAWA KEBAIKAN

Kaedah Usul Fiqh

دَرءُ الـــمَفَاسِدِ مُقدمٌ عَلَى جَلبِ الـــمَصَالِحِ

"Menolak kerosakan didahulukan sebelum menarik kebaikan"

**KEBURUKAN BAGI UMAT ISLAM IALAH HILANG KUASA POLITIK MEMERINTAH**

## ISLAM HADHARI MENENTANG PERBUATAN PELAMPAU AGAMA

**SABDA NABI S.A.W**

إِيَّاكُمْ وَالْغُلُوَّ فِى الدِّيْنِ . فَإِنَّمَا هَلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ بِالْغُلُوِّ فِى الدِّيْنِ

Yang Bermaksud:

"Awasilah kamu supaya jangan bertindak melampau dalam agama; kerana orang-orang dahulu telah binasa kerana mereka melampau dalam agama"

(Riwayat Ahmad, an-Nasaai, Ibn Majah dan al-Hakim)

**PELAMPAU AGAMA BOLEH MENGANCAM KESELAMATAN DUNIA**

ISLAM HADHARI

## Peningkatan Kualiti Hidup (*itqan*)

- Usaha yang konsisten hingga menghasilkan kejayaan yang berterusan perlu dirancang... Peningkatan kualiti *(itqan)* dlm semua urusan & kegiatan kehidupan merangkumi bidang pendidikan, penguasaan sains & teknologi serta aktiviti-aktiviti ekonomi, hendaklah dijadikan budaya. Ijtihad membina umat dlm zaman moden ini perlu diberikan perhatian & diberikan pengiktirafan
- Sudut Islam Hadhari menjana Kehidupan Berkualiti di kalangan rakyat adalah berasaskan kpd apa yg telah dilakukan oleh Rasululah s.a.w ketika membangunkan Kota Madinah, dgn memberi penekanan kpd usaha membasmi al-jahlu *(Kejahilan)*, al-faqru *(Kefakiran/kemiskinan)* dan al-maradhu *(penyakit)*.

ISLAM HADHARI

## Peningkatan Kualiti Hidup (*itqan*)

- Islam Hadhari diperkenalkan di Malaysia dalam suasana di mana dunia Islam dan umatnya masa kini telah dilabelkan oleh masyarakat antarabangsa sebagai pengganas, militan, huru-hara, kemiskinan dan kemunduran.

- Sebahagian besar umat Islam sendiri gagal mencerminkan dirinya sebagai umat yang maju, membangun dan bertamadun kepada masyarakat sekitarnya yang *'non-muslim'*.

## AGAMA

Kebebasan dan toleransi agama adalah asas perpaduan rakyat Malaysia. Biarpun Islam adalah agama rasmi negara ini, rakyat Malaysia bebas mengamalkan dan mempercayai agama lain sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan. Kerajaan memperuntukkan lebih daripada RM300 juta setahun bagi meningkatkan pengetahuan dan amalan Islam. Kita mempunyai institusi Islam contoh seperti Bank Islam, Lembaga Tabung Haji serta Universiti Islam Antarabangsa.







BARISAN NASIONAL akan meningkatkan lagi pemahaman dan amalan agama Islam. Kami bertekad:

- *Membina Islam Hadhari yang progresif dan moden.*
- *Memperbaiki pelaksanaan undang-undang syariah dalam negara dan memastikan wanita Islam dapat menikmati sistem perundangan yang adil dan saksama.*
- *Meningkatkan pendidikan Islam dengan memperbaiki sukatan pelajaran pendidikan Islam di semua peringkat, mensyaratkan pelajar-pelajar beragama Islam mengambil mata pelajaran Bahasa Arab dan mengkhatamkan Quran semasa di sekolah rendah.*
- *Menggalakkan perkhidmatan kewangan Islam yang berdaya saing di persada antarabangsa.*
- *Meningkatkan kebajikan imam dan para pegawai agama.*
- *Memastikan urusan jemaah haji dilakukan secara cekap dan memastikan kos mengerjakan haji dikawal pada paras yang munasabah.*

ISLAM HADHARI

# KEIMANAN & KETAQWAAN KPD ALLAH

- Bagi umat Islam pendekatan Islam Hadhari meletakkan keimanan & ketaqwaan kepada Allah sebagai teras utamanya. Al-qur'an dan sunnah Rasulullah S.A.W sebagai teras pegangan dan rujukannya. Gabungan kemantapan akidah (kepercayaan), syariah (perundangan), akhlak, moral & nilai-nilai murni adalah teras perancangan & pelaksanaan pembangunan diri & pengurusan sistem utk mencapai umat yang berkualiti & negara yg cemerlang. Ini bersesuaian dgn firman Allah SWT. dalam surah al-A'raaf, 96: Maksudnya : "Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah kami akan membuka kpd mereka (pintu pengurniaan) yg melimpah-limpah berkatnya, dari langit & bumi . Tetapi mereka mendustakan(rasul kami), lalu kami timpakan mereka dgn azab seksa disebabkan apa yg mereka telah usahakan".

ISLAM HADHARI

# KEIMANAN & KETAQWAAN KPD ALLAH

- Pada prinsipnya penentuan pegangan agama atau akidah bagi mereka yang berada di luar Islam terbahagi kepada dua iaitu tiada paksaan dalam agama dan kebebasan dalam menganut agama masing-masing.
- Firman Allah s.w.t dalam surah al-Baqarah, 256: Maksudnya : "Tidak ada paksaan dalam agama (Islam)".
  Dan dalam surah al-Kafirun: 6, Allah SWT berfirman, Maksudnya: "Bagi kamu agama kamu dan bagiku agamaku"

# PEMBANGUNAN SAHSIAH, AKHLAK DAN NILAI-NILAI ETIKA

Di bawah kerajaan BARISAN NASIONAL, rakyat Malaysia telah menikmati hasil daripada pembangunan sosial dan ekonomi yang pesat dan terancang. Kita kini menikmati 'infrastruktur kelas pertama' yang setaraf dengan negara-negara membangun dengan adanya pelbagai kemudahan moden.



Untuk menjadi sebuah negara membangun berdasarkan acuan kita sendiri, kita harus juga memastikan bahawa rakyat Malaysia memiliki nilai-nilai positif serta akhlak dan etika yang baik.
Untuk itu, BARISAN NASIONAL akan menerapkan 'pemikiran kelas pertama' di kalangan rakyat Malaysia. Kami bertekad:

- Meneruskan usaha-usaha untuk membudayakan semangat menolak rasuah.



- Memperkenalkan satu kod etika dan integriti untuk sektor awam dan swasta, parti-parti politik serta masyarakat umum.
- Memperkukuhkan kesedaran sivik melalui pengajaran sivik dan etika di sekolah.
- Memupuk nilai-nilai akhlak yang tinggi, keyakinan diri serta keberanian untuk menghadapi cabaran di kalangan belia dan remaja melalui Latihan Khidmat Negara, Rakan Muda dan program-program khidmat masyarakat yang lain.





- Memperbaiki sikap pemandu untuk mengurangkan kadar kemalangan dan kematian di jalan raya.
- Menyemai semangat untuk menghargai dan memelihara alam sekitar.
- Memupuk masyarakat yang lebih terbuka dan aktif dalam pembangunan negara dengan kerjasama badan-badan bukan kerajaan.

ISLAM HADHARI

## Keutuhan Budaya & Moral

Satu daripada perinsip ketamadunan sesuatu bangsa & negara ialah wujudnya keutuhan budaya & ketinggian moral sebagai identiti negara tersebut. Dlm rangka meningkatkan kemajuan negara Malaysia, kepelbagaian budaya & agama perlu dipertahankan berasaskan sistem nilai dan akhlak yang kukuh, murni dan luhur.

Penghayatan nilai-nilai akhlak yg mutlak & tinggi akan menjamin kesejahteraan, keharmonian & keamanan dalam masyarakat majmuk. Ia juga akan menjadikan bangsa itu terhormat & disegani. Ini bertepatan dgn firman Allah SWT dlm surah al-Mukminin: 1-2 maksudnya: "Sesungguhnya berjayalah orang-orang yg beriman. Iaitu mereka yg khusyu' dlm sembahyangnya".

ISLAM HADHARI

## Keutuhan Budaya & Moral

Dengan demikian kemajuan ekonomi & teknologi Malaysia akan berjalan selari dgn keluhuran budaya & ketinggian akhlak masyarakat berbilang kaum. Namun, gejala keruntuhan akhlak, kelemahan budaya integriti & budaya ilmu dlm masyarakat Malaysia semasa, merupakan suatu cabaran besar kpd pelaksanaan pendekatan Islam Hadhari.

Dari perspektif tamadun & agama Islam, kemajuan ekonomi & ilmu sesuatu bangsa harus dijiwai oleh budaya moral & etika yg luhur. Matlamat ini tidak akan dapat dicapai selagi kemajuan kebendaan diasingkan daripada nilai-nilai moral, etika & kerohanian yg luhur.

ISLAM HADHARI

## Keutuhan Budaya & Moral

Sejarah telah membuktikan bahawa tamadun dan Empayar Romawi yang begitu hebat telah runtuh dan ditelan zaman akibat daripada kepincangan moral yang parah dalam masyarakat dan negara.

Aspek kesenian dalam memperkasakan budaya harus seiring dengan nilai-nilai murni yang berasaskan keluhuran dan kreativiti yang menyumbang ke arah kebudayaan tinggi (high culture).

---

BARISAN NASIONAL
untuk masa depan yang maju, aman dan makmur

## EKONOMI

*"Agenda yang saya tetapkan adalah sesuatu yang saya mahu lihat dilaksanakan dan bukan sesuatu yang hanya sedap didengar dalam ucapan untuk mendapat tepukan. Sama ada bagi mewujudkan pentadbiran awam yang lebih cekap; menghapuskan rasuah; mengurangkan kerenah birokrasi; mempunyai perkhidmatan kaunter yang lebih baik; memperkukuhkan institusi seperti polis; memperbaiki sistem pendidikan; mewujudkan pengurusan ekonomi yang telus dan berhemat; atau mewujudkan sumber pendapatan dan pertumbuhan baru bagi kawasan luar bandar; komitmen saya untuk melihat matlamat ini dicapai adalah tetap dan kukuh"*

Rakyat Malaysia dari segenap lapisan masyarakat boleh merasa bangga dengan pencapaian ekonomi hasil kerjasama erat semua pihak. Antara petunjuk kejayaan kita adalah:

- Kadar pertumbuhan ekonomi 5.2% bagi 2003 melebihi jangkaan dengan kadar inflasi yang rendah.
- Keyakinan sektor korporat dan pengguna yang tinggi, seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan pelaburan dan permintaan tempatan.
- Peningkatan yang ketara dalam pendapatan bulanan isi rumah dari RM1,167 pada tahun 1990 ke RM3,011 pada tahun 2002.



- Peningkatan rizab antarabangsa yang kini mencapai RM184 bilion.
- Prasarana yang moden dan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi.




Bagi menghadapi cabaran-cabaran masa depan, kami bertekad:

- Terus menggalakkan pertumbuhan ekonomi untuk mencapai Wawasan 2020.
- Meningkatkan daya saing dan daya tahan ekonomi berdasarkan prestasi.
- Mewujudkan suasana mesra-perniagaan.
- Mempelopori sumber-sumber kekayaan dan pendapatan baru dalam bidang pertanian, bioteknologi dan perkhidmatan kewangan Islam.
- Meningkatkan budaya inovasi melalui penyelidikan dan pembangunan sains dan teknologi.
- Membangunkan kawasan luar bandar sebagai pusat pertumbuhan baru.
- Memupuk daya saing syarikat tempatan, khususnya industri kecil dan sederhana.
- Memperluaskan pasaran untuk barangan dan perkhidmatan keluaran Malaysia.
- Melaksanakan pengurusan fiskal yang berhemat dan bertanggungjawab.

## PEMBANGUNAN SEIMBANG

BARISAN NASIONAL sedar usaha membangunkan negara secara adil dan menyeluruh adalah sukar. Di sebalik pelbagai cabaran yang dihadapi pada masa lalu, kita telah berjaya mencatat pencapaian yang menggalakkan:

- Kadar kemiskinan berjaya dikurangkan dari 17% kepada 5% semenjak 1990.
- Membina lebih banyak rumah kos rendah dan menyediakan pinjaman perumahan serta perumahan percuma kepada yang memerlukan.
- Mempertingkatkan peruntukan perbelanjaan kesihatan dan menyediakan lebih banyak kemudahan kesihatan asas di kawasan luar bandar.

Usaha untuk memastikan pembangunan sosioekonomi yang seimbang masih berterusan. Kami bertekad:

- Membasmi kemiskinan sepenuhnya dan merapatkan jurang pendapatan.
- Memastikan pembangunan wilayah yang seimbang di negeri-negeri seluruh Malaysia.
- Mempertingkatkan jumlah dan kualiti rumah kos rendah dan perkhidmatan kesihatan.
- Mempertingkatkan keberkesanan program sosial untuk menolong kumpulan yang tercicir seperti Orang Asli, golongan kurang upaya dan warga tua.
- Memperbaiki suasana kerja untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam ekonomi.
- Meningkatkan langkah-langkah untuk melindungi warisan budaya dan alam sekitar.



“Berkongsi kuasa bermakna berkongsi masa depan bersama”



ISLAM HADHARI

## Pembangunan Ekonomi Seimbang & Komprehensif

Pembangunan ekonomi seimbang & komprehensif memberikan satu pendekatan yg menggabungkan usaha memantapkan amalan ekonomi yg berakhlak dgn kemampuan melaksanakan aktiviti ekonomi secara berkesan sesuai dgn perkembangan ekonomi di dlm negara & peringkat antarabangsa. Ini bertepatan dgn firman Allah S.W.T dlm surah al-Jumu'ah : 10, bermaksud:

“Kemudian setelah selesai sembahyang, bertebaranlah kamu dimuka bumi (utk menjalankan urusan masing-masing), & carilah apa-apa yg kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak(dlm segala keadaan) , supaya kamu berjaya(dunia & akhirat)”.

## Pembangunan Ekonomi Seimbang & Komprehensif

ISLAM HADHARI

Islam Hadhari menuntut setiap masyarakat merebut peluang untuk memaju pencapaian ekonomi mereka. Melalui strategi pembasmian kemiskinan, mencapai guna tenaga penuh, kestabilan paras harga dan pertumbuhan ekonomi yang mapan, keadilan dan kestabilan ekonomi akan dapat dicapai.

Dalam rangka yang sama pendekatan Islam Hadhari akan terus berusaha untuk meningkat kecekapan sistem penyampaian sektor awam dan prestasi sektor swasta. Justeru itu mutu sistem pendidikan dan Institusi Latihan Negara perlu sentiasa dipertingkatkan semoga kesemua aspek keperluan tersebut dapat dibekalkan kepada rakyat.

## Pembangunan Ekonomi Seimbang & Komprehensif

ISLAM HADHARI

Dlm suasana ekonomi dunia yg sangat mencabar & tidak menentu, perancangan & dasar ekonomi yg digubal perlu sensitif kpd perkembangan tersebut. Walaupun sektor pembuatan & perkhidmatan menyumbang secara besar-besaran kpd pertumbuhan ekonomi negara, demi keselamatan negara, sektor pertanian akan turut diberi perhatian yg sewajarnya. Pembekalan makanan asasi rakyat, adalah sesuatu yang dituntut oleh Islam. Melalui kemajuan bidang sains bioteknologi, negara akan berusaha utk memaju sektor pertanian dgn teknologi tersebut.

Pendekatan komprehensif Islam Hadhari dlm mencapai pembangunan ekonomi negara mampu menjana kpd wujudnya sebuah masyarakat yg bertamadun & progresif.

# PENDIDIKAN



Kejayaan negara kita bergantung kepada penguasaan ilmu pengetahuan dan keupayaan generasi muda. Sejak dulu, BARISAN NASIONAL telah berusaha untuk menyediakan peluang meluas bagi pendidikan:

- Pembiayaan untuk sektor pendidikan terus menjadi komponen terbesar dalam perbelanjaan kerajaan.
- Kini terdapat 7,515 sekolah rendah, 1,902 sekolah menengah, 18 universiti dan kolej dan 16 politeknik.
- Bantuan kewangan diberi kepada pelajar miskin bagi setiap peringkat pendidikan.
- Terdapat peningkatan besar bagi pelajar Tingkatan 5 menamatkan pengajian mereka, daripada 65 peratus pada 1988 kepada 80 peratus pada 2000.
- Kadar pendaftaran bagi prasekolah dan universiti telah bertambah dua kali ganda sejak 1990.



Bagi mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan, kita perlu memperbaiki kualiti pendidikan. Kami bertekad:

- Memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang cemerlang di semua peringkat persekolahan dan pengajian.
- Meningkatkan mutu pengajaran bagi kemahiran komunikasi termasuk Bahasa Inggeris, kemahiran teknologi maklumat, kemahiran penyelesaian masalah dan berfikir secara kritis.
- Menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan utama melalui peningkatan kualiti, termasuk pengajaran bahasa ibunda yang lebih baik di samping memelihara kedudukan sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang sedia ada.
- Mengukuhkan integrasi pelajar bagi menyuburkan lagi perpaduan negara.
- Memperbaiki suasana kerja bagi tenaga pengajar.
- Meningkatkan institusi pendidikan tinggi untuk melahirkan graduan yang berkaliber.



ISLAM HADHARI

## Penguasaan Ilmu Pengetahuan

Kemampuan menguasai ilmu pengetahuan secara integratif boleh menjadikan kita memiliki kekuatan pengetahuan yg pelbagai & semasa supaya kecemerlangan intelektual dapat dikembangkan, kekuatan peribadi dapat ditampilkan & ketangkasan jasmani dapat dibangunkan. Proses ini perlu bagi melahirkan insan seimbang & harmonis spt yg terdapat dlm matlamat Falsafah Pendidikan Negara kita. Ini bertepatan dgn firman Allah SWT dlm al-qur'an surah al-Mujadalah: 11
Maksudnya:
"Dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) – beberapa darjat . Dan (ingatlah), Allah maha mendalam pengetahuanNya tentang apa yang kamu lakukan".

ISLAM HADHARI

## Penguasaan Ilmu Pengetahuan

Dalam mana-mana sejarah masyarakat yg maju & bertamadun ianya tidak akan berlaku tanpa menjadikan ilmu sebagai sumbernya. Tamadun Baghdad & Tamadun Andalusia menjadi contoh nyata bagaimana ilmu yg integratif mampu menyumbang ke arah pembangunan tamadun Barat & Timur.

Dalam menghadapi cabaran globalisasi & cabaran semasa, faktor ilmu intergratif, kemajuan sains & teknologi sewajarnya menjadi fokus bagi melahirkan sumber tenaga manusia yg bukan sahaja mempunyai ilmu & ketrampilan tetapi juga memiliki nilai-nilai murni yg sifatnya menyumbang terhadap pembangunan negara, bangsa & manusia sejagat.

ISLAM HADHARI

## Penguasaan Ilmu Pengetahuan

Melalui pengukuhan ilmu fardu ain yg dilengkapkan dgn penguasaan ilmu fardu kifayah, hasrat utk mencapai kecemerlangan terbuka luas. Melalui system pendidikan yg melengkapi dwi pengkhususan & double Major, kita boleh melahirkan sumber tenaga yg mampu menerajui program pembangunan negara & ummah.

Usaha penggalian & penerokaan serta penemuan ilmu sains & teknologi amat digalakkan dalam & Islam. Amat disedari umat Islam ketinggalan dlm penguasaan sains dan teknologi pada masa kini. Usaha pengkajian & penyelidikan (tadabbur) mesti menjadi matlamat keilmuan supaya asas pembangunan intelek, rohani & jasmani dapat berlaku secara seimbang, menyeluruh & teratur. Ini bertepatan dgn firman Allah dlm surah a-li 'Imraan: 190. Maksudnya : "Pada kejadian langit & bumi, pertukaran malam & siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, & keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yg berakal"

## UNDANG-UNDANG DAN KESELAMATAN AWAM





Malaysia diiktiraf sebagai sebuah negara yang aman dan damai.

BARISAN NASIONAL akan terus mentadbir mengikut sistem demokrasi, berdasarkan prinsip undang-undang. Kami bertekad:

- Memelihara keluhuran undang-undang untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan negara.
- Menjamin kebebasan badan kehakiman dan menyediakan prasarana moden untuk meningkatkan kecekapan pentadbiran keadilan.
- Mempertahankan sempadan negara dari sebarang ancaman atau pencerobohan.
- Meningkatkan tahap keselamatan peribadi setiap individu.
- Meningkatkan kecekapan dan kewibawaan pasukan polis melalui penubuhan Suruhanjaya Khas mengenai pasukan polis.
- Meningkatkan kepekaan gender pasukan polis.
- Menjaga kebajikan setiap anggota pasukan keselamatan.



ISLAM HADHARI

## Kekuatan Pertahanan

Islam Hadhari melihat pertahanan bukan sahaja isu-isu yg meliputi kekuatan ketenteraan & persenjataan, malah ia merangkumi kekuatan diri, fizikal dan spritual. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam al-qur'an surah al-Anfal: 60 maksudnya:

"Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yg menceroboh) segala jenis kekuatan yg dapat kamu sediakan & dari pasukan-pasukan berkuda yg lengkap sedia, untuk mengerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yg lain dari mereka yang kamu tidak mengetahui nya; sedang Allah mengetahuinya. Dan apa yg kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasanya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiayai".

## Kekuatan Pertahanan

ISLAM HADHARI
Projek Khas YAB Perdana Menteri

Bangsa yg maju memerlukan umat yg dapat mempertahankan diri & negara dari dicerobohi. Untuk itu mereka perlu memiliki kekuatan ketenteraan yg terkini bagi tujuan mempertahankan diri dan negara & bukan untuk menyerang & menguasai bangsa & negara lain.

Kekuatan pertahanan akan menjamin kestabilan, keamanan & keselamatan negara yg membolehkan proses pembangunan dilakukan secara berterusan.

## Kekuatan Pertahanan

ISLAM HADHARI
Projek Khas YAB Perdana Menteri

Perubahan suasana politik dunia global masa kini dan tekanan serta penghinaan yang dihadapi oleh sebahagian umat manusia menuntut kita menguasai kekuatan ketenteraan dan keupayaan mempertahankan diri.

Negara perlu diperlengkapkan dengan rancangan serta program jangka panjang untuk menyemai rasa hak dan tanggungjawab membela kemuliaan maruah diri, bangsa dan negara.

Pendekatan Islam Hadhari akan berusaha memperkasakan umat supaya mereka berupaya menghadapi cabaran dunia semasa.

ISLAM HADHARI

## Kesimpulan

Kesedaran betapa perlunya masyarakat Islam berganding bahu memelihara perpaduan yg kukuh bagi meneruskan usaha pembangunan ke arah kemajuan umat Islam di Malaysia.

Melalui Ilmu kesedaran yang disampaikan umat Islam akan memahami bahawa dirinya itu adalah seorg pekerja yg soleh, dgn kerja yg sdg di lakukannya itu akan membolehkannya masuk syurga.

Memperbetulkan kefahaman golongan pekerja ttg konsep Fardu Kifayah yg mana ianya tidak terhad kepada Fardu 'Ain shj tetapi hendaklah seiring dgn Fardu Kifayah demi utk membangunkan negara *(terutama dlm bidang ekonomi, politik, sosial, pendidikan & sains & teknologi).*





## *Ku Cari Damai Abadi*

*Aku cari bukan harta bertimbun-timbun*
*Untuk hidup kaya*
*Aku cari bukan wang berjuta-juta*
*Untuk hidup bergaya*
*Aku cari bukan kawan-kawan*
*Untuk hidup sekadar berfoya-foya*
*Aku cari*
*Mana dia Al-Ghazali*
*Aku cari mana dia Al-Shafie*
*Kita bongkar rahsia kitab suci*
*Cari pedoman*
*Kita bongkar rahsia sunnah nabi*
*Cari panduan*
*Aku hidup kerana Dia Rabbi*
*Dialah teman*
*Dialah wali*
*Dia mencukupi*
*Aku hidup bererti*
*Menikmati damai abadi.*

– DATUK SERI ABDULLAH AHMAD BADAWI
(9 Mei 2003, Malam Puisi Utusan Ke-10)